

 <small>A subsidiary of Tenaga Nasional</small>	Jenis Dokumen: <b>DASAR</b>	Prosedur / Tajuk: <b>DASAR</b> <b>ANTISOGOKAN</b>	Nombor Dokumen: TNB Genco ABMS-001
	Pemilik Dokumen: <b>COMPLIANCE &amp; RISK MANAGEMENT DEPARTMENT</b> <b>TNB POWER GENERATION SDN. BHD.</b>	Semakan: <b>1</b>	Tarikh diterbitkan: <b>04 Sept 2023</b>

**TNB POWER GENERATION SDN. BHD.**

**TNB POWER GENERATION SDN. BHD.**

**129 Jalan Bangsar,**

**P.O. Box 11003**

**50732 Kuala Lumpur, Malaysia**

**TAJUK:**

### **DASAR ANTISOGOKAN**

Nombor Dokumen:

TNB Genco ABMS-001

Nombor Semakan	Perkara	Oleh	Disahkan oleh	Diluluskan oleh
0	Penyediaan Dasar	CRMD-CF	CRMD	BARC
1	Semakan pertama	CRMD-CF	CRMD	BARC

## Kandungan

1. Latar belakang.....	3
2. Objektif .....	3
3. Skop.....	3
4. Rujukan .....	3
5. Takrif .....	4
6. Pemilik Dasar.....	6
7. Dasar .....	6
8. Hukuman bagi ketakpatuhan.....	12
9. Penepian .....	12
10. Semakan & Pemeriksaan .....	12

## **1. Latar belakang**

Perkara utama tentang perundungan yang berkait dengan TNB Genco dalam konteks antisogokan ialah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("ASPRM"). Kesalahan tertentu di bawah Akta ini termasuk menerima suapan, menggunakan rasuah untuk memperoleh tender yang ditolak, sogokan pegawai badan awam, sogokan pegawai awam asing, dan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk melakukan suapan. Apabila disabitkan dengan kesalahan berkaitan sogokan, TNB Genco sebagai sebuah syarikat boleh dikenakan denda yang berat dan mengalami kerugian kewangan dan mencemarkan reputasinya secara berpanjangan. Di samping itu, pengarah dan kakitangan syarikat boleh didenda, dipenjarakan atau kedua-duanya sekali. Menurut Seksyen 17A MACCA, Liabiliti Korporat, TNB Genco sebagai sebuah syarikat mungkin bertanggungjawab ke atas amalan rasuah pekerjanya dan/atau mana-mana orang yang berkaitan dengan Syarikat dalam kes di mana amalan rasuah tersebut dijalankan untuk faedah dan kelebihan Syarikat sama ada ada atau bukan pengurusan kanannya atau wakilnya yang mengetahui perbuatan rasuah tersebut. Oleh itu, perkara ini perlu dipandang serius oleh semua pihak yang terlibat dalam menjalankan perniagaan TNB Genco. Penyataan dasar yang jelas dan mudah tentang pendirian TNB Genco berkaitan sogokan dapat membentuk asas bagi sistem pengurusan integriti yang berkesan.

Dasar anti sogokan ini telah disediakan sebagai sebahagian daripada Sistem Pengurusan Anti-Rasuah TNB Genco (ABMS) dan selaras dengan Sistem Pengurusan Integriti Korporat TNB (TCIMS) dan perlu dibaca bersama TNB Genco Integrated Management System Manual (TNB Genco IMS-HQ-Manual).

## **2. Objektif**

Dasar ini menetapkan pendirian TNB Genco secara menyeluruh tentang sogokan dalam semua bentuknya.

## **3. Skop**

Dasar ini terpakai kepada TNB Genco, BOD dan Kakitangan TNB Genco serta Organisasi Kawalannya termasuk subsidiri, BOD dan kakitangannya juga BOD dan kakitangan Sekutu Perniagaan apabila mereka bertindak bagi pihak TNB Genco.

## **4. Rujukan**

- a) Piawaian Antrabangsa ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS)
- b) Kod Etika TNB Genco
- c) Dasar Konflik Kepentingan TNB Genco
- d) Dasar Hadiah, Hospitaliti dan Manfaat Berkaitan TNB Genco
- e) Dasar Pakatan Integriti TNB
- f) Dasar Pemberian Maklumat TNB Genco
- g) Manual IMS TNB Genco (Genco IMS-HQ-Manual)
- h) TCIMS (Sistem Pengurusan Integriti Korporat TNB)

## 5. Takrif

Takrif yang berikut terdapat dalam dasar ini. Bagi takrif tambahan, lihat Glosari GENCO ABMS.

BARC	Lembaga Jawatankuasa Audit dan Risiko
BOD	Lembaga Pengarah TNB Genco dan Lembaga bagi Pertubuhan Kawalannya
Sogokan	<p>Sogokan ditakrifkan sebagai apa-apa tindakan yang boleh dianggap sebagai kesalahan memberikan atau menerima 'suapan' di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM).</p> <p>Dari segi amalannya, sogokan bermaksud menawarkan, memberikan, menerima atau meminta sesuatu yang bernilai dalam cubaan untuk mempengaruhi, secara tak jujur, keputusan atau tindakan seseorang yang memegang jawatan beramanah dalam organisasi.</p> <p>'Suapan' ditakrifkan dalam ASPRM dengan maksud yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) <i>wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;</i></li> <li>(b) <i>apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;</i></li> <li>(c) <i>apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian dari padanya;</i></li> <li>(d) <i>apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;</i></li> <li>(e) <i>apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;</i></li> <li>(f) <i>apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindung daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, samaada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan</i></li> <li>(g) <i>apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).</i></li> </ul> <p>Sogokan boleh bersifat 'ke luar', apabila seseorang yang bertindak bagi pihak TNB Genco cuba mempengaruhi tindakan seseorang di pihak luar, seperti pegawai kerajaan atau pembuat keputusan di pihak klien.</p> <p>Sogokan juga boleh bersifat 'ke dalam', apabila pihak luar cuba mempengaruhi seseorang dalam Kumpulan TNB Genco seperti membuat keputusan kanan atau seseorang yang mempunyai akses kepada maklumat sulit.</p>

Sekutu Perniagaan	Pihak luar yang dengannya organisasi mempunyai, atau merancang untuk menjalin beberapa bentuk hubungan perniagaan. Pihak luar termasuk klien, pelanggan, usaha sama, rakan usaha sama, rakan konsortium, penyedia khidmat luar, kontraktor, perunding, subkontraktor, pembekal, vendor, penasihat, ejen, pengedar, wakil, pengantara dan pelabur. Sekutu Perniagaan juga boleh dirujuk sebagai Pihak Ketiga, khususnya jika sekutu tersebut bertindak bagi pihak organisasi.
CF	Fungsi Pematuhan TNB Genco
Konflik Kepentingan	Apabila kepentingan seseorang boleh mempengaruhi, berpotensi mempengaruhi, atau dianggap boleh mempengaruhi pembuatan keputusan mereka di TNB Genco.
Organisasi Kawalan	Entiti yang TNB Genco mempunyai kuasa membuat keputusan ke atasnya, yang memberikan TNB Genco hak untuk melantik dan menyingkirkan pengurusan. Keadaan ini biasanya berlaku apabila TNB Genco mempunyai kepentingan mengawal (memiliki >50% syer mengundi), tetapi juga boleh berlaku apabila terdapat perjanjian bahawa TNB Genco berhak melantik pengurusan, contohnya usaha sama yang TNB Genco memiliki peruntukan syer mengundi terbesar (tetapi masih <50%).
Hadiah Korporat	Sesuatu yang diberikan oleh satu organisasi kepada organisasi yang lain, dengan wakil setiap organisasi memberikan dan menerima hadiah. Hadiah korporat juga termasuk barang promosi yang diberikan secara sama rata kepada orang awam dalam sesuatu acara, pertunjukan dan pameran perdagangan sebagai sebahagian daripada pembinaan jenama syarikat. Hadiah tersebut diberikan secara telus dan terbuka. Hadiah korporat biasanya mempunyai nama syarikat dan logo. Contoh hadiah korporat termasuklah barang seperti diari, kalendar meja, pen, buku catatan, plak dan hadiah perayaan seperti hamper, buah limau dan kurma. <b>Lihat juga Hadiah Peribadi di bawah.</b>
Rasuah	Takrif oleh Badan Ketelusan Antarabangsa digunakan untuk GENCO ABMS: 'Penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk kepentingan peribadi'. Lihat takrif 'sogokan', iaitu istilah yang sering digunakan dalam GENCO ABMS.
CRMD	Jabatan Compliance & Risk Management Department, TNB Genco
Jawatan Terdedah	Jawatan kakitangan dikenal pasti sebagai terdedah kepada sogokan melalui penilaian risiko. Jawatan tersebut termasuk apa-apa peranan yang melibatkan: pemerolehan atau pengurusan kontrak; kelulusan kewangan; sumber manusia; hubungan dengan pegawai kerajaan atau jabatan kerajaan; jualan; jawatan yang memerlukan rundingan dengan pihak luar; atau jawatan lain yang dikenalpasti oleh syarikat sebagai terdedah kepada sogokan.
Bayaran Pemudahan	Pembayaran atau peruntukan lain yang dibuat secara peribadi kepada individu yang mengawal sesuatu proses atau keputusan. Bayaran diberikan untuk menjamin atau mempercepat tugas atau fungsi rutin atau pentadbiran.
Hospitaliti	Layanan baik terhadap tetamu, termasuk jamuan ringan, penginapan dan keraian di restoran, hotel, kelab, tempat peranginan, konvensyen, konsert, acara sukan atau tempat lain seperti pejabat syarikat, dengan atau tanpa kehadiran hos secara peribadi. Peruntukan perjalanan juga termasuk dalam takrif ini, dan begitu juga perkhidmatan lain seperti penyediaan jurupandu, pembantu dan pengiring; menggunakan kemudahan seperti spa, padang golf atau tempat peranginan ski berserta kelengkapan.

Ikrar Integriti	Dokumen yang ditandatangani oleh individu, yang menyatakan mereka akan bertindak dengan berintegriti apabila melaksanakan tugas mereka di TNB Genco.
MD	Pengarah Urusan TNB Genco
Hadiah Peribadi	Sesuatu yang diberikan oleh seorang individu kepada individu yang lain, dengan niat untuk mewujudkan atau mengukuhkan hubungan peribadi. Hadiah diberikan secara persendirian, tanpa pengetahuan atau kelulusan pengurusan syarikat salah satu pihak atau kedua-dua pihak. Hadiah peribadi boleh berbentuk wang tunai, kesetaraan tunai seperti kad kredit, bitcoin atau akaun simpanan, barang elektronik, jam tangan, pen mewah, harta, kenderaan, tambang percuma, saham, pinjaman tanpa faedah, tiket loteri, kemudahan perjalanan, keraian, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun atau komisen, barang kemas, perhiasan, cenderamata, baucar atau apa-apa barang berharga yang lain. <b>Lihat juga Hadiah Korporat di atas.</b>
REMACO	TNB Repair and Maintenance Sdn. Bhd.
Pengurusan	Pihak pengurusan TNB Genco
TNB Genco	TNB Power Generation Sdn. Bhd. Dan Organisasi Kawalannya
TNB Genco ABMS	Sistem Pengurusan Anti-Rasuah TNB Power Generation Sdn. Bhd. (ABMS)
TNB Genco IMS Manual	TNB Power Generation Sdn. Bhd. Integrated Management System Manual (TNB Genco IMS-HQ-Manual)
Kakitangan TNB Genco	Semua individu yang mempunyai ikatan kontrak secara langsung dengan syarikat dan Organisasi Kawalannya atas dasar pekerjaan, termasuk pekerja dan pengarah tetap dan sementara.
Pemberi maklumat	Orang yang mendedahkan maklumat tentang seseorang atau organisasi yang terlibat atau disyaki terlibat dengan amalan salah.

## 6. Pemilik Dasar

CRMD ialah pemilik dasar ini.

## 7. Dasar

### 7.1 Dasar Antisogokan

- a) Dasar kami menetapkan sogokan dalam semua bentuknya yang berkaitan dengan aktiviti TNB Genco dilarang sama sekali.
- b) Sogokan boleh melibatkan apa-apa yang bernilai, seperti wang, barang, perkhidmatan, harta, keistimewaan, jawatan atau layanan keutamaan. Oleh itu, Kakitangan TNB Genco dan Sekutu Perniagaannya tidak boleh, sama ada secara langsung atau tidak langsung, menawarkan, memberikan, menerima atau meminta apa-apa barang yang bernilai, dalam cubaan untuk mempengaruhi, secara tidak jujur, keputusan atau tindakan seseorang yang memegang jawatan beramanah dalam organisasi, sama ada untuk manfaat yang dirancang oleh TNB Genco atau orang yang terlibat dalam transaksi.
- c) Dasar antisogokan juga terpakai kepada urusan perniagaannya dengan entiti komersial ('sektor swasta') dan entiti kerajaan ('sektor awam'), dan termasuk interaksi dengan pengarah, kakitangan, ejen dan wakil lain yang dilantik pada semua peringkat. Keadaan yang mungkin

menimbulkan sogokan juga perlu dilakukan, terutamanya apabila berurusan dengan pegawai kerajaan.

- d) Dasar antisogokan terpakai kepada semua negara di seluruh dunia, tanpa pengecualian dan tanpa mengambil kira kebiasaan serantau, amalan tempatan atau keadaan persaingan.
- e) Oleh itu, TNB Genco tidak membenarkan Bayaran Pemudahan walaupun perkara ini sudah menjadi kebiasaan dalam keadaan tertentu.
- f) TNB Genco mengamalkan Dasar 'Tiada Hadiah'. Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian tertentu. Hadiah dan hospitaliti boleh diterima dengan syarat ia (1) terhad, biasa dan dibenarkan di bawah keadaan tersebut; serta (2) tidak mempunyai, atau dianggap mempunyai (oleh pemberi atau penerima), apa-apa kesan terhadap tindakan atau keputusan. Secara khususnya, berhubung dengan hadiah dan hospitaliti, (a) seharusnya tidak mengharapkan apa-apa bantuan tertentu atau kelebihan yang tidak wajar daripada penerima yang dimaksudkan; (b) penilaian perniagaan secara bebas oleh penerima yang dimaksudkan mestilah tidak terjejas; (c) tidak sepatutnya mempunyai apa-apa niat buruk / bersifat jenayah yang terlibat; dan (d) pemberian hadiah dan hospitality mestilah dilakukan secara terbuka dan telus. Maklumat lanjut dinyatakan dalam *Dasar Hadiah, Hospitaliti dan Manfaat Berkaitan*.
- g) Menjadi dasar TNB Genco bahawa tiada pekerja atau pihak luar akan diturunkan pangkat, dikenakan penalti atau akibat lain yang menjelaskan kerana enggan membayar atau menerima sogokan atau tingkah laku tidak jujur yang lain, walaupun keengganan tersebut mungkin menyebabkan syarikat kehilangan perniagaan atau mengalami kelewatan dalam operasi perniagaan.
- h) TNB Genco mengiktiraf nilai integriti dalam kalangan kakitangan dan pengaruhnya. Integriti peribadi perlu dianggap sebagai salah satu faktor TNB Genco dalam pengambilan pekerja, latihan, penilaian prestasi, imbuhan, dan kenaikan pangkat.
- i) TNB Genco tidak menawarkan pekerjaan kepada kakitangan prospektif sebagai balasan kerana tidak mengutamakan TNB Genco sewajarnya dalam peranannya terdahulu.

## **7.2 Pengiktirafan undang-undang tempatan dan antarabangsa**

- a) TNB Genco komited dalam mematuhi undang-undang dan peraturan yang mengawal operasi kami di setiap negara kami menjalankan perniagaan.
- b) Larangan Asas: TNB Genco komited untuk menjalankan perniagaan secara beretika dan mematuhi semua undang-undang serta peraturan yang berkenaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada Kanun Keseksaan Malaysia (disemak semula 1977) (dan pindaannya), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (dan pindaannya) Akta Syarikat 2016 (Malaysia), Akta Pencegahan Rasuah Pegawai Asing Amerika Syarikat 1977 (pindaan 1998), dan Akta Rasuah United Kingdom 2010. Undang-undang ini melarang sogokan dan memberi mandat kepada syarikat supaya menyediakan dan menyelenggarakan buku dan rekod yang tepat, serta kawalan dalaman yang mencukupi.

## **7.3 Sekutu Perniagaan**

- a) TNB Genco boleh dipertanggungjawabkan dari segi undang-undang terhadap tindakan Sekutu Perniagaannya yang bertindak bagi pihaknya (biasanya dikenali sebagai 'Pihak Ketiga'). Oleh itu, langkah berhati-hati perlu diambil bagi memastikan entiti tersebut tidak membuat percubaan untuk terlibat dalam sogokan. Sekiranya keimbangan tentang Sekutu Perniagaan

berterusan, TNB Genco tidak boleh melibatkan atau menggunakan perkhidmatan entiti tersebut.

- b) TNB Genco perlu memastikan semua Sekutu Perniagaan yang bertindak bagi pihak TNB Genco bersetuju menurut kontrak untuk mematuhi dasar ini, terutamanya Larangan Asas pada bahagian 7.2, dan dasar TNB Genco lain yang berkaitan, yang menetapkan pendirian am TNB Genco tentang integriti dan etika perniagaan.
- c) Usaha wajar juga perlu diamalkan berhubung dengan mana-mana Sekutu Perniagaan yang berhasrat untuk bertindak atas nama syarikat sebagai ejen atau dalam peranan wakil lain, bagi memastikan entiti itu tidak melakukan sogokan sepanjang ia bekerja sama dengan TNB Genco. Usaha wajar perlu dilakukan berdasarkan penilaian risiko sogokan. Usaha wajar termasuk melakukan carian melalui pangkalan data yang berkaitan, menyemak hubungan dengan pegawai awam, dan mendokumentasikan alasan memilih Sekutu Perniagaan tertentu berbanding dengan yang lain. Hasil proses usaha wajar perlu didokumentasikan, disimpan selama sekurang-kurangnya tujuh tahun dan dikeluarkan berdasarkan permintaan oleh penjaga proses.

#### **7.4 Tanggungjawab Kakitangan TNB Genco**

- a) Dasar ini terpakai kepada semua kakitangan TNB Genco (termasuk pengarah TNB Genco dan Organisasi Kawalannya), dan bertujuan menetapkan tanggungjawab dan kewajipan tertentu yang dinyatakan dengan jelas dalam kontrak pekerjaan, penilaian, insentif serta prosedur kenaikan pangkat, dan dikuatkuasakan melalui langkah tatatertib yang standard.
- b) Bagi pengarah TNB Genco dan Organisasi Kawalannya, peranan khusus mereka termasuk yang berikut:
  - i. Menggalakkan amalan tadbir urus korporat yang baik berkaitan antisogokan;
  - ii. Memberikan sokongan terhadap pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar ini;
  - iii. Menunjukkan contoh tingkah laku dan kepimpinan melalui teladan dengan mematuhi dasar ini;
  - iv. Sentiasa berhati-hati dan berwaspada terhadap tanda kemungkinan berlakunya salah laku atau kelakuan tidak wajar yang mungkin berkait dengan sogokan;
  - v. Tidak memberarkan amalan yang tidak wajar dan mengambil tindakan tegas sekiranya diperlukan;
  - vi. Menggalakkan penggunaan mekanisme pemberian maklumat di TNB Genco dan memberikan jaminan perlindungan kepada pemberi maklumat.
- c) Semua kakitangan TNB Genco bertanggungjawab memahami dan mematuhi dasar ini. Secara khususnya, peranan semua kakitangan TNB Genco termasuk yang berikut:
  - i. Mengetahui keperluan dan arahan yang berkaitan dalam dasar ini dan menyampaikannya kepada pekerja bawahan;
  - ii. Dengan segera, mencatatkan semua transaksi dan bayaran dengan tepat dan terperinci;

- iii. Sentiasa merujuk transaksi yang mencurigakan kepada pegawai atasan untuk mendapatkan panduan tentang tindakan seterusnya;
  - iv. Bertanya kepada CRMD jika terdapat apa-apa pertanyaan tentang dasar ini atau jika kurang jelas dengan tindakan yang perlu diambil dalam situasi tertentu;
  - v. Ambil perhatian terhadap petunjuk atau apa-apa bukti sekiranya terdapat kemungkinan pelanggaran dasar ini;
  - vi. Laporkan pelanggaran atau pelanggaran yang disyaki dengan segera melalui saluran yang sesuai;
  - vii. Mengambil bahagian dalam latihan integriti dan antisogokan seperti yang ditentukan mengikut jawatan.
- d) Kakitangan TNB Genco yang bertugas sebagai penyelia mempunyai tanggungjawab tertentu dalam memastikan keperluan TNB Genco ABMS diterapkan dan dipatuhi dalam jabatan atau fungsi mereka dan memantau pematuhan dasar tersebut. Mereka juga perlu memastikan orang bawahan dalam 'Jawatan Terdedah' menghadiri latihan yang berkaitan.
  - e) Apabila berurusan dengan pembekal luar yang menawarkan barang dan perkhidmatan kepada syarikat, Kakitangan TNB Genco tidak boleh:
    - i. menyatakan keutamaan yang tidak dapat dijelaskan atau tidak wajar terhadap pihak tertentu;
    - ii. menggunakan pengaruh yang tidak wajar untuk mendapatkan faedah peribadi daripada mereka.
  - f) Apabila berurusan dengan pihak luar yang mempunyai kedudukan untuk membuat keputusan bagi manfaat TNB Genco (seperti pegawai Kerajaan atau klien), Kakitangan TNB Genco tidak boleh:
    - i. menawarkan, menjanjikan atau membuat apa-apa percubaan secara tidak jujur untuk mempengaruhi keputusan orang itu dengan menawarkan secara langsung atau tidak langsung atau berjanji untuk memberikan rasuah, secara tunai atau bukan tunai;
    - ii. terlibat dalam apa-apa perbincangan tentang peluang perniagaan atau pekerjaan, untuk manfaat peribadi mereka atau untuk manfaat pihak luar;
    - iii. menyalahgunakan kuasa untuk membuat keputusan dan kuasa lain yang diberikan oleh pihak pengurusan kanan, untuk mendapatkan, secara tidak jujur, hasil yang akan memberikan kelebihan komersial kepada diri mereka dan/atau syarikat.

## **7.5 Pengisytiharan kakitangan**

- a) Semua kakitangan TNB Genco yang baharu dilantik perlu menandatangani pengakuan pada awal pekerjaan mereka setelah membaca dan memahami dasar ini serta Kod Etika TNB Genco yang menjelaskan pendirian am TNB Genco tentang integriti dan etika perniagaan.
- b) Semua Kakitangan TNB Genco hendaklah menandatangani Ikrar Integriti secara tahunan.
- c) Semua Kakitangan TNB Genco hendaklah mengisytiharkan apa-apa Konflik Kepentingan seperti yang dinyatakan dalam Dasar Konflik Kepentingan.

## **7.6 Fungsi pematuhan antisogokan**

- a) TNB Genco akan menubuhkan dan mengekalkan fungsi pematuhan anti sogokan, CRMD untuk mengawasi pengurusan TNB Genco ABMS.
- b) CRMD akan diiktiraf sebagai pihak berkuasa bebas dalam struktur syarikat, disediakan dengan semua kelengkapan untuk bertindak secara berkesan terhadap sogokan, membuat laporan secara terus kepada BARC.
- c) TNB Genco akan menjalankan penilaian risiko secara tetap untuk mengenal pasti risiko sogokan yang menjelaskan perniagaan, menetapkan objektif anti sogokan syarikat, dan menilai keberkesanan kawalan dalam mencapai objektif tersebut. Proses ini akan memastikan TNB Genco ABMS sesuai untuk mencapai tujuan organisasi dan memaklumkan peningkatan selanjutnya sistem tersebut.
- d) CRMD akan diberikan sumber dan kakitangan selaras dengan saiz TNB Genco, risiko yang wujud dalam aktiviti perniagaan TNB Genco serta skop TNB Genco ABMS. BARC akan memastikan sumber yang bersesuaian disediakan untuk operasi TNB Genco ABMS yang berkesan dan CRMD memiliki kakitangan yang mempunyai kecekapan, status, kuasa dan kebebasan yang sesuai.
- e) CRMD akan memberikan nasihat dan panduan kepada kakitangan tentang sistem pengurusan anti sogokan dan isu yang berkaitan dengan sogokan.
- f) CRMD akan mengambil langkah untuk memastikan pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian yang sesuai terhadap TNB Genco ABMS dilaksanakan.
- g) CRMD akan melaporkan prestasi TNB Genco ABMS kepada BARC dan pihak pengurusan secara tetap, termasuk hasil apa-apa penyiasatan dan audit.
- h) CRMD akan menyediakan terma rujukan yang jelas dengan skop kerja yang meliputi TNB Genco ABMS dan perkara yang berkaitan.

## **7.7 Latihan**

- a) TNB Genco akan berusaha menjalankan program latihan dan kesedaran untuk semua kakitangan TNB Genco berhubung dengan pendirian syarikat tentang anti sogokan, integriti dan etika.
- b) Semua Kakitangan TNB hendaklah melengkapkan latihan E-Pembelajaran Integriti setiap tahun.

## **7.8 Melaporkan pelanggaran dasar**

- a) TNB Genco perlu menyediakan dan menyelenggarakan saluran pelaporan ('pemberian maklumat') yang sesuai untuk menerima maklumat tentang pelanggaran dasar ini, dan perkara integriti lain yang diberikan dengan jujur oleh Kakitangan TNB Genco dan / atau pihak luar.
- b) Kakitangan yang, dalam aktiviti mereka yang berkait dengan pekerjaan mereka di TNB Genco, menyedari berlakunya pelanggaran dasar yang sebenar atau yang disyaki, perlu melaporkan kebimbangan mereka menggunakan salah satu saluran pelaporan.
- c) Laporan yang dibuat dengan suci hati perlu ditangani tepat pada masanya dan tanpa menimbulkan rasa takut terhadap tindakan balas tanpa mengira hasil siasatan.
- d) Tindakan balas dalam apa-apa bentuk terhadap Pegawai TNB Genco yang dengan suci hati melaporkan pelanggaran atau pelanggaran yang mungkin terhadap dasar ini, dilarang sama sekali. Mana-mana Kakitangan TNB Genco yang didapati sengaja bertindak terhadap orang yang melaporkan pelanggaran atau pelanggaran yang mungkin akan dikenakan tindakan tatatertib termasuk penurunan pangkat, penggantungan, pemecatan atau tindakan lain (termasuk tindakan undang-undang) mengikut pilihan TNB Genco.
- e) Lihat *Dasar Pemberian Maklumat* untuk maklumat lanjut.

## **7.9 Ketakpatuhan**

- a) CRMD akan menjalankan audit secara tetap untuk memastikan pematuhan terhadap dasar ini menurut *TNB Genco IMS Manual (Genco IMS-HQ-Manual)*. Audit sedemikian boleh dijalankan secara dalaman oleh TNB Genco atau secara luaran oleh Sekutu Perniagaan yang ditetapkan. Dokumentasi audit perlu merangkumi pelan tindakan peningkatan prestasi.
- b) Ketakpatuhan yang dikenal pasti oleh audit dan apa-apa skop risiko yang dikenal pasti melalui cara ini dan cara lain hendaklah dilaporkan kepada pihak pengurusan tepat pada masanya mengikut tahap risiko yang dikenal pasti.

## **7.10 Penambahbaikan berterusan**

- a) Dalam menyelenggarakan TNB Genco ABMS, TNB Genco komited untuk memenuhi keperluan sistem pengurusan antisogokan ISO 37001: 2016.
- b) TNB Genco akan memantau rejim perundangan dan pengawal seliaan di tempat ia beroperasi, dan mengenal pasti apa-apa perubahan terhadap persekitaran dan risiko perniagaan TNB Genco untuk mengenal pasti peluang bagi penambahbaikan TNB Genco ABMS. Laporan akan dikemukakan kepada BARC secara tetap supaya BARC boleh mengambil tindakan yang sewajarnya.
- c) CRMD akan menjalankan penilaian secara tetap terhadap TNB Genco ABMS bila diperlukan, untuk memastikan skop, dasar, prosedur dan kawalannya sepadan dengan risiko sogokan dan risiko berkaitan sogokan yang lain yang dihadapi oleh TNB Genco.
- d) TNB Genco berusaha untuk mempengaruhi persekitaran perniagaan di tempat ia beroperasi. Usaha ini termasuk memperluas program integritinya meliputi Organisasi bukan Kawalannya, pembekal dan kontraktor, mencari peluang untuk bekerja sama dengan syarikat yang mempunyai komitmen yang sama, dan menyokong inisiatif dalam sektor swasta dan awam yang boleh meningkatkan integriti persekitaran operasinya.

## **8. Hukuman bagi ketakpatuhan**

TNB Genco menganggap sogokan sebagai suatu perkara yang serius dan akan mengenakan hukuman jika berlaku pelanggaran terhadap dasar ini. Bagi Kakitangan TNB Genco, ketakpatuhan akan menyebabkan tindakan tatatertib diambil, sehingga dan termasuk penamatian pekerjaan. Tindakan undang-undang selanjutnya juga boleh diambil jika kepentingan TNB Genco terjejas akibat ketakpatuhan oleh individu dan organisasi.

## **9. Penepian**

Apa-apa penyimpangan daripada atau penepian terhadap dasar ini mestilah diluluskan oleh MD atau BARC.

## **10. Semakan & Pemeriksaan**

CRMD akan menyemak kesesuaian dasar ini dari semasa ke semasa.